

15 FEB 2003

Gerakan-Pilihan raya

GERAKAN SEDIA HADAPI PERUBAHAN DALAM PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Parti Gerakan akan mengatur semula strateginya dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang ekoran beberapa perkembangan termasuk persempadanan semula kawasan pilihan raya, kata Presidennya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini.

Antara perkara yang perlu dipertimbangkan ialah mengatur semula cawangan yang mungkin termasuk dalam kawasan pilihan raya baru, katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan parti itu di sini, hari ini.

"Kita akan cuba siapkan strategi parti secepat mungkin bagi menghadapi pilihan raya nanti," kata Dr Lim, yang juga Menteri Perusahaan Utama.

Pada mesyuarat itu juga Gerakan sepakat untuk menyokong Aman Malaysia, iaitu perikatan bukan politik yang menuntut keamanan di seluruh dunia di samping menentang keganasan serta peperangan.

Kuasa besar terutama Amerika Syarikat sepatutnya memberi kepercayaan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk bertindak dalam isu senjata di Iraq, bukan bertindak sendirian untuk menyerang negara itu.

"Gerakan menyokong sepenuhnya perjuangan Aman Malaysia, sebagai sebuah parti, pendirian kami sama seperti pendirian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam isu keganasan dan ekstremisme sama ada dalam agama atau perkauman," katanya.

Anggota Gerakan terutamanya pemuda digesa menyertai perhimpunan besar-besaran perikatan itu yang akan diadakan di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 23 Feb depan.

Mengenai pengharaman tanglung Kung Ming, Dr Lim berkata parti berkenaan bersetuju dengan tindakan polis yang dibuat demi keselamatan orang awam.

"Kita sokong keputusan yang dibuat oleh pihak polis itu kerana ia bertujuan menjamin keselamatan orang awam, sama seperti kita sokong pengharaman mercun dulu," katanya.

-- BERNAMA

SHI AZZ PR